

## PERATURAN PERTANDINGAN SEPAK TAKRAW

### 1. AM

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Sepak Takraw Penjara Malaysia

### 2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Penjara Malaysia dan dikelolakan oleh

---

### 3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari empat (4) orang pemain (termasuk pemain simpanan). Pendaftaran hendaklah menggunakan **Borang** yang telah disediakan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan.

### 4. TEMPAT DAN JADUAL PERTANDINGAN.

- 4.1 Perlawanan akan diadakan di lokasi yang akan ditentukan kemudian.
- 4.2 Perlawanan akan bermula pada 9 Julai 2005 dan berakhir pada 10 Julai 2005. Setiap perlawanan mengikut jadual yang akan disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur.

### 5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1 Sekiranya terdapat penyertaan enam (6) pasukan atau lebih, ia akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan iaitu KUMPULAN A dan KUMPULAN B. Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan ke pertandingan separuh akhir secara menyilang. Pemenang akan bertemu di perlawanan akhir.
- 5.2 Jika kurang dari enam (6) pasukan, pertandingan liga satu (1) pusingan akan diadakan.
- 5.2 Pusingan Awal (sekiranya terdapat Kumpulan A & B):  
Pertandingan akan dijalankan secara liga. Johan dan Naib Johan akan bermain di peringkat separuh akhir secara menyilang.
- 5.3 Pusingan Separuh Akhir dan Akhir:  
Perlawanan separuh akhir akan dijalankan secara kalah mati. Johan dan Naib Johan kumpulan akan ke pusingan separuh akhir. Johan Kumpulan A akan bertemu Naib Johan Kumpulan B dan Naib Johan Kumpulan A akan bertemu Johan Kumpulan B. Pemenang akan ke peringkat akhir.
- 5.4 Pemberian mata ialah tiga (3) mata jika menang dan kosong (0) jika kalah.
- 5.5 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mempunyai jumlah mata teratas yang sama kaedah berikut hendaklah dipastikan bagi menentukan pasukan yang layak bertanding di peringkat Separuh Akhir:
  - 5.5.1 Pasukan yang mempunyai mata terbanyak
  - 5.5.2 Pasukan yang mempunyai perbezaan set yang terbanyak
  - 5.5.3 Pasukan yang mempunyai perbezaan point yang terbanyak.
- 5.6 Pasukan yang akan berlawan hendaklah berada di gelanggang sepuluh (10) minit sebelum perlawanan bermula. Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pasukan jika pasukan lawan gagal berada di gelanggang selepas lima (5) minit dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.
- 5.7 Perlawanan akan dijalankan dengan cara empat (4) pemain sepasukan. Setiap pasukan hendaklah mempunyai bilangan minima tiga (3) pemain untuk membolehkan sesuatu perlawanan dijalankan. Jika kurang dari tiga (3) pemain, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan dan pasukan tersebut dikira kalah.

**7. PERTUKARAN PEMAIN**

Sebarang pertukaran pemain dibenarkan pada setiap perlawanan.

**8. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

8.1 Semua peraturan akan dijalankan secara "best of 3 set" dengan "tie break" sehingga enam (6) point.

8.2 Undang-undang lain adalah mengikut undang-undang Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSTM).

8.3 Keputusan Pengadil adalah muktamad

**9. PENGADILAN**

Pengadil yang mengadili perlawanan adalah pengadil yang bertauliah dari Persatuan Sepak Takraw Negeri Selangor.

**10. ETIKA PAKAIAN**

Pakaian sukan yang sesuai untuk acara ini.

**11. BANTAHAN**

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.